KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR AHAD | | | |
| TARIKH | : | 25/7/2021 (AHAD) | MUKA SURAT | : | 28 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |

Sinar Ahad, 25 Jul 2021 28

## Durian hanya tinggal kulit dan biji

**GUA MUSANG** - Pemilik kebun durian di Renok B di sini berang apabila durian di kebun mereka seluas empat hektar 'dirompak' seekor beruang.

Muhammad Noor Ibrahim, 80, berkata, situasi itu menyebabkan pemilik kebun berputih mata melihat hasil tanaman mereka itu dimakan dan dirosakkan oleh haiwan liar tersebut.

"Kejadian ini sudah beberapa kali berlaku dan terbaru ia berlaku pagi Jumaat apabila saya melihat kulit serta biji durian bertaburan di kawasan kebun.

"Berpandukan kepada situasi itu, saya dapati beruang tersebut akan mengumpulkan terlebih dahulu durian yang gugur sebelum mengopek dan makan raja buah tersebut," katanya.

Menurutnya, disebabkan itu, mereka takut untuk ke kebun mengambil durian kerana bimbang akan terserempak dengan beruang tersebut.

Dia berkata, empat tahun lalu seorang penduduk pernah maut diserang beruang di sebuah kebun durian.



Muhammad Noor menunjukkan sisa durian yang dimakan beruang di kebunnya di Renok B, Gua Musang.

Sementara itu, Mohd Zaid Ismail, 43, berkata, pada April lalu, beruang pernah muncul dan makan tumbuhan yang ada di rumahnya.

"Saya menyedari perbuatan itu disebabkan oleh beruang apabila melihat terdapat kesan tapak kaki di atas tanah.

"Sekarang musim durian dan ia muncul kembali, lebih-lebih lagi raja buah tersebut menjadi pada kali ini," katanya.

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763 I Web : www.ketsa.gov.my

KeTSAMalaysia ketsa.malaysia KeTSAMalaysia